

29/07/2001

Perjanjian khas masuk universiti

SHAH ALAM: Pelajar yang diterima memasuki universiti mungkin dikehendaki menandatangani perjanjian khas dengan kerajaan untuk memastikan mereka benar-benar belajar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang menimbang perkara itu dan berkemungkinan dilaksanakan dalam pengambilan sesi akan datang bagi menjamin bakal mahasiswa menumpukan perhatian terhadap pelajaran.

"Dengan adanya perjanjian ini, hanya mereka yang berminat belajar akan masuk universiti," katanya ketika ditanya mengenai cadangan Umno kelmarin supaya sistem meritokrasi diperkenalkan di institusi pengajian tinggi awam sebagai satu tindakan radikal menyedarkan pelajar Bumiputera.

Dr Mahathir juga mengingatkan pelajar supaya menggunakan peluang sebaik-baiknya apabila berada di universiti untuk menimba ilmu.

"Semua pelajar yang diterima masuk universiti (pada kemasukan akan datang) mesti menandatangani perjanjian bahawa mereka akan belajar, menghadiri semua kuliah, mengambil nota dan melaksanakan apa jua tugas yang perlu dilakukan serta bertanya pensyarah mengenai apa yang mereka tidak faham.

"Kita belum buat keputusan (muktamad) lagi, tapi itu adalah cadangan kita. Kalau tidak hendak belajar, tidak mungkin kami menerima mereka masuk ke universiti," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan kerja ke Sirim, di sini, semalam.

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno kelmarin, bersetuju mengambil tindakan radikal yang diharap dapat menyelamatkan pelajar Melayu daripada terus tercicir dan menjamin masa depan generasi muda serta negara.

Tindakan lain yang akan disyorkan oleh Umno kepada kerajaan ialah:

- \* Undang-undang sedia ada dan Perlembagaan Persekutuan dipinda jika perlu untuk menghalang mana-mana pihak yang mengkhianati sistem pendidikan negara bagi kepentingan diri sehingga menyebabkan pelajar Melayu menyeleweng seperti menyembah syaitan.

- \* Sistem baru mengajar akan diperkenal dengan guru sebagai pemudahcara untuk mengajar mengikut kurikulum yang sudah ditetapkan, bukan mengajar ilmu yang mirip kepada politik tertentu.

- \* Menubuhkan sebuah badan khas yang dianggotai sukarelawan di kalangan pegawai dan guru bagi membantu menangani masalah pelajar Melayu.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, tindakan Kerajaan selama ini yang memperuntukkan kuota dan memberi kelonggaran kepada pelajar sehingga orang yang tidak ada `merit' pun diterima masuk, bukan hanya membuatkan pelajar Melayu `main-main' bahkan menjadikan mereka bersikap sombong.

"Mereka cakap bukan main sombong, (bahawa) ini bukan duit kerajaan dan sebagainya. Ini bukan duit kita, kita tahu, ini duit rakyat tetapi kita jadi trustee, kita jadi pemegang amanah rakyat dan kita mesti tadbir dengan baik... jadi kalau mereka tak nak belajar, kita tak bagi mereka masuk.

"Jika dia nak masuk, lebih baik lagi daripada sekolah dia belajar betul-betul, dapat kelulusan tinggi... dan kita bagi masuk.

"Ini dia kata, kelulusan yang rendahpun boleh masuk, kerajaan manapun akan bagi dia masuk... jadi kita tengoklah kerajaan mana yang akan bagi dia masuk," tegasnya.

Dr Mahathir tidak bersetuju dengan pendapat bahawa golongan muda seperti pelajar IPTA memang seringkali bersikap anti-kerajaan (anti-establishment).

"Sebenarnya tidak perlu (bersikap anti-kerajaan). Saya suatu masa dulupun pernah menjadi pelajar, saya tidak ingat saya bersikap anti-establishment... anti-British, ya.

"Pelajar hari ini) masuk universiti macam kedai kopi, marah-marah. Sikit-sikit cakap kami akan kempen untuk parti lawan, kami akan sokong parti lawan, ini jadi ugutan pulak.

"Kita hendak bagi dia pelajaran dia ugut kita. Kalau tak bagi kepada kami, (kalau) tuan tegur tuan, kami akan kempen untuk parti lawan. Tengoklah pilihan raya (akan datang), kami akan berkeliaran di kampung-kampung berkempen untuk parti lawan.

"Bukan dia nak belajar, dia nak kempen... kalau nak kempen duduk di luarlah," katanya.

(END)